


B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Matlamat Utama



Meningkatkan tahap sosioekonomi golongan sasar bagi memastikan kelangsungan hidup, perlindungan, dan penyertaan bermakna dalam pembangunan sosioekonomi



Memperkasakan golongan sasar selaras dengan prinsip "tiada sesiapa yang tertinggal" dan teras Ekonomi MADANI

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Strategi

Strategi **B4.1**

Meningkatkan Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Bermakna

Strategi **B4.2**

Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Strategi **B4.3**


Membangunkan Sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Ringkasan RMK12 untuk Kumpulan Sasaran Utama



Bumiputera

Penyertaan Bumiputera dalam pembangunan sosioekonomi menunjukkan peningkatan.



Pendapatan purata bulanan isi rumah Bumiputera meningkat daripada RM7,093 (2019) kepada RM8,232 (2024).

Pemilikan kediaman pula direkodkan sebanyak **73.4% (2022)**, lebih baik daripada 73% pada 2021 semasa pandemik

Ringkasan RMK12 untuk Kumpulan Sasaran Utama



Orang Asli

Usaha giat telah dilaksanakan untuk pembangunan sosioekonomi Orang Asli, merangkumi pembangunan kapasiti, penjanaan pendapatan, dan penyediaan infrastruktur.

Pendidikan dan Modal Insan

Sebanyak **13 Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9)** dibangunkan, dan sebuah sekolah K9 dinaik taraf kepada K11.

Penjanaan Pendapatan

Sejumlah **2,044 peserta** terlibat dalam pembangunan semula **4,411 hektar Ladang Orang Asli** untuk meningkatkan pendapatan isi rumah

Infrastruktur dan Kemudahan Asas (Sehingga Jun 2025)


- **27 kampung** (2,716 hektar) diwartakan sebagai Kampung Orang Asli.
- **229.7 kilometer** jalan perhubungan desa dibina.
- **33 kampung** dibekalkan kemudahan elektrik.
- **222 kampung** mendapat akses kepada bekalan air terawat alternatif.

Ringkasan RMK12 untuk Kumpulan Sasaran Utama



Sabah

Pendapatan purata isi rumah Anak Negeri Sabah meningkat daripada **RM5,087 (2019)** kepada **RM5,836 (2024)**. Di bawah Program Khas Anak Negeri Sabah:



3,067 peserta dilatih dalam pengeluaran produk kraftangan.



Sehingga **Jun 2025, 68,765 hektar tanah Hak Adat Anak Negeri (NCR)** selesai diukur, melibatkan **36,368 penerima manfaat** untuk aktiviti penjanaan pendapatan.

Ringkasan RMK12 untuk Kumpulan Sasaran Utama



Sarawak

Pendapatan purata isi rumah Bumiputera Sarawak meningkat daripada **RM4,930 (2019)** kepada **RM5,909 (2024)**. Di bawah Program Khas Bumiputera Sarawak (sehingga Disember 2024):



5,106 peserta daripada isi rumah berpendapatan rendah dilatih dalam bidang pertanian, mengusahakan tanaman makanan dan komoditi seluas **71 hektar**.



15,458 hak milik tanah dikeluarkan melibatkan **25,601 hektar**, memberi manfaat kepada **22,457 Bumiputera Sarawak**.

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Tujuh sasaran terpilih ditetapkan dalam usaha untuk meningkatkan sosioekonomi kumpulan sasar dalam tempoh RMK13, seperti berikut:

PENCAPAIAN	SASARAN	
61.4% (2023)	65% (2030)	Kadar penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan mahir
85% (2023)	90% (2030)	Kadar penyertaan Siswazah Bumiputera dalam tenaga buruh
73.4% (2022)	75% (2030)	Peratus isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman
73.59 (2023)	75 (2030)	Skor Indeks Belia Malaysia
56.5% (2023)	60% (2030)	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita
0.31% (2023)	1% (2030)	Peratus penyertaan orang kurang upaya dalam perkhidmatan awam
7.93 (2023)	8 (2030)	Indeks Kesejahteraan Keluarga

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Strategi B4.1: Meningkatkan Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Bermakna

Memperluas program keusahawanan yang berupaya mencipta nilai dan meningkatkan skala perusahaan Bumiputera. Ini termasuk:



Menajarkan semula program keusahawanan untuk meningkatkan produktiviti, daya saing, dan penskalaan dalam pasaran tempatan & antarabangsa.




Memberi peluang kepada perusahaan Bumiputera dalam sektor pertumbuhan tinggi & bernilai tinggi (GHV) serta industri berteknologi maju, termasuk industri halal.



Memperluas program penskalaan "relay" dari peringkat mikro hingga penyenaraian awam.

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar




Strategi B4.1: Meningkatkan Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Bermakna



Kerjasama strategik bersama MATRADE bagi meningkatkan keupayaan syarikat produk halal Bumiputera yang berstatus *export ready* untuk menembusi pasaran global di bawah Program Gate to Global (GTG) MARA.



B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar




Strategi B4.1: Meningkatkan Keberhasilan Bumiputera yang Lebih Bermakna



Penyertaan GLC, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan, dan syarikat swasta akan ditingkatkan untuk melahirkan lebih ramai pemilik perniagaan dari kalangan profesional Bumiputera.

Program penskalaan 'perlumbaan relay' dilaksana - dari perusahaan mikro ke penyenaraian awam (IPO)

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Strategi B4.2 Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Memperkasa Tadbir Urus dan Kepimpinan Tradisi Komuniti Orang Asli




Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] akan dipinda untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan dan perlindungan hak. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kerangka perundangan yang lebih relevan dan efektif.



Penubuhan lembaga adat akan dilaksanakan bagi mereformasi tadbir urus kepimpinan tradisi seperti Penghulu atau Batin. Inisiatif ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kepimpinan tempatan dalam menguruskan hal ehwal komuniti Orang Asli.

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Strategi B4.2 Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Memperkuuh Bakat dan Memacu Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli



Menambah baik akses kepada pendidikan dan TVET, termasuk menyediakan bantuan persekolahan dan biasiswa untuk anak-anak Orang Asli.




Pembangunan semula ladang kelapa sawit dan getah, serta pengukuran tanah akan diteruskan.



Pembangunan keusahawanan melalui koperasi dan Perusahaan Sosial (SE) akan diperluaskan untuk menjana lebih banyak peluang ekonomi yang lestari.

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Strategi B4.2 Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli

Meningkatkan Kesejahteraan Melalui Penyediaan Infrastruktur dan Kemudahan Asas

Peningkatan kualiti hidup masyarakat Orang Asli akan direalisasikan melalui penyediaan:



Perumahan yang selamat dan selesa



Infrastruktur asas seperti sistem jalan raya yang dipertingkat




Kemudahan utiliti penting termasuk bekalan air bersih dan elektrik



Akses telekomunikasi yang lebih luas

B4: Peningkatan Tahap Sosioekonomi Golongan Sasar



Strategi B4.3 Membangunkan Sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Aspek kritikal untuk pembangunan Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak:



Pemerksaan Bakat
Meningkatkan kemahiran dan potensi individu.



Peningkatan Infrastruktur & Kemudahan Asas
Memastikan akses kepada prasarana penting seperti jalan raya, air, dan elektrik.



Pengukuran, Pewartaan & Pemberian Hak Milik Tanah NCR
Mempercepat proses pemilikan tanah Hak Adat Anak Negeri.